

♥17/06/18-55MS1

U GB 17-06 00194 BA129

Aab

RRJP2 - Unjuran '''

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Berikut ialah unjuran Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan Dasar Pembangunan Baru (DPB) menjelang tahun 2000 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini:

+ Rakyat Malaysia menikmati pendapatan per kapita kira-kira \$17,000 berbanding \$6,180 pada 1990;

+ Kemiskinan mutlak terhapus dan yang tinggal hanya kelompok-kelompok termiskin yang akan diberikan tumpuan sewajarnya;

+ Lapan puluh peratus daripada eksport negara merupakan barangan pembuatan, secara tidak langsung menunjukkan Malaysia sudah melangkah menjadi sebuah negara perindustrian;

+ Pengangguran hampir terhapus dengan kadarnya menurun kepada empat peratus;

+ Kewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang bukan sahaja berupaya mewujudkan kekayaan tetapi mampu mengurus dan mengekalkannya;

+ Perpaduan masyarakat semakin kukuh berikutan berkurangnya ketidakseimbangan antara kaum;

+ Kemudahan kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000;

+ Tenaga kerja yang moden lagi canggih menerusi pembangunan sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan; dan

+ Alam sekitar yang lebih bersih dan terpelihara.

-- Bernama.

♥17/06/18-55MST